

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)**

**TARIKH : 5 OGOS 2020**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes-kes Macau scam, love scam, phone scam, face mask scam, dan online scam yang lain di Sibu sejak tahun 2010 hingga 2020 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani kes-kes tersebut serta berapakah jumlah kes yang telah berjaya dibawa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM sangat memandang serius isu-isu berkaitan penipuan atas talian ini. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil sentiasa memberikan perhatian terhadap kes-kes jenayah yang berlaku kerana kes seumpama ini melibatkan jumlah kerugian yang besar dan sedikit sebanyak mempengaruhi ekonomi Negara. Penipuan jenayah atas talian ini dikategorikan kepada lima iaitu Macau Scam, Love Scam, Belian Online, Tipu Pinjaman Tidak Wujud dan juga Tipu SMS.

Pihak kerajaan sedar kemajuan teknologi masa kini yang semakin canggih telah menjadi penyumbang utama terhadap kes-kes jenayah ini terutamanya kes penipuan dalam talian. Pihak Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia sentiasa berusaha dalam mengatasi kes-kes jenayah seumpama

ini. Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan ini.

PDRM menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil telah melancarkan beberapa operasi di seluruh Kontinen bagi menangani jenayah penipuan atas talian yang semakin berleluasa di negara ini seperti **Ops Mule**. **Ops Mule** adalah bertujuan untuk mengesan dan menangkap semua pemilik akaun keldai yang dipercayai digunakan oleh sindiket-sindiket jenayah Komersil dan seterusnya di bawa ke muka pengadilan. Sebanyak 2 siri operasi telah dilancarkan tahun ini iaitu Ops Mule Siri 1/2020 (06/01/2020 – 29/02/2020) dan Ops Mule Siri 2/2020 (25/04/2020 – 31/05/2020). Sepanjang tempoh Ops Mule dijalankan seramai 2,578 orang saspek telah ditangkap dan 1,562 orang telah dituduh dimahkamah. Melalui operasi tersebut, bagi Negeri Sarawak seramai 155 orang telah di tangkap dan 38 orang daripadanya telah di tuduh di Mahkamah. Daripada jumlah ini, bagi daerah Sibu pula, seramai 102 kes telah disiasat dan 68 telah dituduh di mahkamah. Sejak penularan Covid 19, kes penipuan *face mask* telah mula wujud dimana sebanyak 781 kes direkodkan diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 40 kes melibatkan seluruh negeri Sarawak dan di daerah Sibu telah direkodkan sebanyak 4 kes berkaitan dengan penipuan penjualan *face mask*.

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, pihak kerajaan juga menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat supaya tidak mudah panik, tidak mudah percaya, sentiasa teliti dan cermat, berfikiran tenang, membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.